



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBERKESANAN UNSUR SASTERA DALAM PEMELAJARAN
BAHASA MELAYU**

FBMK 2005 13

**KEBERKESANAN UNSUR SASTERA DALAM PEMELAJARAN
BAHASA MELAYU**



Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah

April 2005





DEDIKASI

Teristimewa untuk
LIM SWEE MOI
LIM SOK HONG

kakak yang banyak berkorban untuk kejayaan saya
LIM SWEE POH
KHE UT EH DI

Ayah dan ibu, yang selamanya harum dalam ingatan
Kasih sayang, dorongan dan kekuatan kepada ilmu

Ikhlas dan perkasa
SELINA LEE SAI FA
Isteri yang sentiasa di sisi
LIM WEI WEN
LIM FHENG FHENG
LIM YIENG YIENG
anak-anak yang sedia memahami

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KEBERKESANAN UNSUR SASTERA DALAM PEMELAJARAN
BAHASA MELAYU**

Oleh

LIM SWEE TIN

April 2005

Pengerusi: Profesor Madya Noor Aina Dani, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Unsur sastera (US) merupakan satu bahagian yang penting dalam pemelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Pengajaran US dalam pemelajaran bahasa amat perlu untuk mengukuhkan penguasaan bahasa di kalangan pelajar. Mulai 1 Mac 2000, Kementerian Pendidikan Malaysia (sekarang Kementerian Pelajaran Malaysia) telah melaksanakan pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) di peringkat sekolah menengah. Tesis ini merupakan satu kajian tentang penggunaan US dalam KOMSAS dan peranannya dalam mengukuhkan pemelajaran bahasa, iaitu dengan mengenal pasti apakah unsur-unsur sastera yang boleh mengukuhkan pemelajaran BM pelajar di peringkat sekolah menengah, dan pencapaian mereka serta kaitannya dengan US yang diminati.

Bagi menganalisis US yang boleh membantu mengukuhkan pemelajaran BM dalam kajian ini, teori yang digunakan ialah Pendekatan Respons Pembaca (RR) yang diperkenalkan oleh Rosenblatt (1976). Data dikutip daripada pelajar Tingkatan II hingga V di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd. Said, Nilai, Negeri Sembilan dalam bentuk soal selidik. Data dianalisis berdasarkan pengiraan bentuk peratusan untuk memperoleh dapatan. Selain itu, wawancara juga dilakukan dengan guru-guru yang mengajar bahasa Melayu, untuk mendapatkan pandangan mereka tentang penggunaan US dalam pemelajaran bahasa. Data ini dianalisis dalam bentuk kiraan peratusan bagi memperoleh dapatan.

Daripada penganalisan kajian yang menggunakan pendekatan seperti yang dinyatakan, didapati bahawa terdapatnya unsur-unsur sastera yang digunakan itu, boleh dan tidak boleh membantu mengukuhkan pemelajaran bahasa, adanya perbezaan minat di kalangan pelajar yang berlainan ras (Melayu, Cina, dan India) yang mempelajari US, dan minat di kalangan pelajar ini mempengaruhi pencapaian peperiksaan mereka dalam mata pelajaran BM. Dapatan ini digunakan untuk menggubal sebuah kurikulum pemelajaran bahasa yang baharu yang menggunakan US.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirements for the Degree of Doctor Philosophy

**THE EFFECTIVENESS OF LITERATURE ELEMENTS IN MALAY
LANGUAGE LEARNING**

By

LIM SWEE TIN

April 2005

Chairman: Associate Professor Noor Aina Dani, PhD

Faculty: Modern Languages and Communication

Literature element is an important part in Malay language learning at secondary school level. The teaching of this element is deemed necessary in enhancing students mastery of the language. Recognising such importance, the Ministry of Education, Malaysia through its Curriculum Development Centre has since 1st of March, 2000, incorporated the Literature Component (LC) into the teaching of the Malay Language at Forms I to V. This study focused on the use of literature elements in LC as a means of enhancing language learning. Specifically, it sought to identify literature elements that could benefit the Malays language learning at secondary level. The study also examined the relationship between students overall performance on the Malay language and the literature elements that they were interested in.

The study utilized the Reader Response Approach (1976) employed in the study. Data were primarily gathered from Forms II to V students of Dato' Mohd Said National Secondary School, Nilai, Negeri Sembilan. Secondary data were also obtained from school teachers that taught the language at various secondary schools in Malaysia via structured interviews. Those data were analysed in terms of frequency counts and percentage.

The findings of the study revealed that various elements of literature could be used to enhance the Malay language learning and those that were not

beneficial. It was also discovered that students with different background (Malay, Chinese, Indian) tended to differ in their attitudes towards the learning of literature elements. These attitudes also seemed to influence their overall performance on the Malay language. The findings suggest implications for language learning, the proposal of a more effective curriculum for literature elements in Malay language learning at secondary level.



PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penyeliaan pengajian yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani atas daya usaha beliau yang berterusan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Budi dan jasa beliau terlalu besar untuk dinyatakan satu per satu terutama dalam situasi-situasi yang sukar tatkala menjalankan penyelidikan ini. Beliau juga banyak memberikan sokongan moral dan buah fikiran yang amat bernas, sangat membantu dan sudah tentu kerana peranan beliaulah, penyelidikan ini dapat disempurnakan. Saya juga suka untuk merakamkan penghargaan yang sama kepada ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang terdiri daripada Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Dr. Media Sandra Kasih yang turut memberikan tunjuk ajar serta bimbingan yang berguna.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Profesor Dr. Shaik Md. Nor Alam S.M. Hussein, mantan Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, dan Profesor Madya Dr. Haji Rosli bin Talif, Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi sekarang, yang telah memberikan semangat yang besar kepada

saya dari mula pengajian sehingga akhir. Budi dan jasa beliau akan sentiasa dikenang.

Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Haji Sallehuddin bin Abdul Wahab, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd. Said, Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus, yang dengan bermurah hati memberikan keizinan kepada saya untuk menggunakan pelajar Tingkatan II, III, IV dan V sekolah ini bagi tujuan mengutip data untuk penyelidikan ini. Begitu juga, terima kasih saya kepada Ketua Bidang Bahasa, Ketua Panitia Bahasa Melayu, dan guru-guru Bahasa Melayu yang banyak membantu sepanjang sesi pengumpulan data yang telah dijalankan. Kepada para pelajar yang turut memberikan komitmen, saya tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih dan selamat maju jaya dalam pelajaran.

Akhirnya, tidak lupa saya merakamkan terima kasih kepada staf Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia yang sentiasa bertugas dengan penuh keefisienan, dan staf Pejabat Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang begitu budiman. Semoga Tuhan membalas segala pertolongan dan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB

I PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Senarai Unsur Sastera di Peringkat Menengah Rendah	7
Senarai Unsur Sastera di Peringkat Menengah	28
Pernyataan Kajian	43
Objektif Kajian	50
Kepentingan Kajian	51
Skop Kajian	60
Definisi Operasional	60
Unsur Sastera	61
Pemelajaran	61
Bahasa Melayu	62
Kesimpulan	62
II SOROTAN KAJIAN	63
Pengenalan	63
Latar Belakang: Daripada Buku Bacaan kepada Bahan Sastera, ke Komponen Sastera (KOMSAS)	63
Objektif Pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS)	67
Kajian tentang Penggunaan Unsur Sastera Prakomponen Sastera (KOMSAS)	77
Bahan Sastera dalam Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Pemelajaran Bahasa Melayu	81

Laporan Prestasi Sijil Pelajaran Malaysia 2003 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (2004)	92
Kesimpulan	98
III METODOLOGI KAJIAN	99
Pengenalan	99
Sejarah Ringkas	99
Ciri-ciri Pendekatan Pesons Pembaca (RR)	103
Kerangka Konsepsi	106
Lokasi Kajian	107
Kaedah Kajian	108
Pendekatan Kajian	108
Pemboleh Ubah Kajian	108
Alat Kajian	109
Tatacara Kajian	109
Kajian Rintis	109
Kajian Sebenar	110
Penganalisisan Data	112
Kesimpulan	112
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	113
Persembahan Dapatan	113
Dapatan Kajian 1	115
Unsur Sastera yang Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan I	115
Dapatan Kajian 2	140
Unsur Sastera yang Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan II	140
Dapatan Kajian 3	164
Unsur Sastera yang Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan III	164
Dapatan Kajian 4	190
Unsur Sastera yang Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan IV	190
Dapatan Kajian 5	219
Mengenal Pasti Kolerasi Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan II, III, IV, dan V Mengikut Ras (Melayu, Cina, India) dan Kategori Unsur Sastera yang Diminati	219
Dapatan Kajian 6	240
Pembinaan Kurikulum Baharu Bahaa Melayu dengan Penerapan Unsur Sastera uang Sesuai	240

Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	286
Implikasi Dapatan Kajian	291
Kesimpulan	294
V RUMUSAN DAN CADANGAN	295
Rumusan	295
Cadangan	296
BIBLIOGRAFI	299
LAMPIRAN	306
BIODATA PENULIS	369



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Bilangan Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah Rendah	4
2 Jumlah Keseluruhan Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah Rendah	5
3 Bilangan Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah Rendah	5
4 Jumlah Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah	5
5 Bilangan Unsur Sastera di Peringkat Menengah Rendah	28
6 Bilangan Unsur Sastera yang Dikaji di Peringkat Menengah	43
7 Skala Penerimaan Pelajar	113
8 Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Prosa Tradisional Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan I	116
8.1 Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Puisi Tradisional Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan I	117
8.2 Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Cerpen Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan I	118
8.3 Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Novel Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan I	119
8.4 Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Sajak Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan I	120
8.5 Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Drama Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan I	121
9 Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Prosa Tradisional Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan II	141
9.1 Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Puisi Tradisional Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan II	142

9.2	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Cerpen Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan II	143
9.3	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Novel Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan II	144
9.4	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Sajak Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan II	145
9.5	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Drama Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan II	146
10	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Prosa Tradisional Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan III	165
10.1	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Puisi Tradisional Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan III	166
10.2	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Cerpen Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan III	168
10.3	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Novel Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan III	170
10.4	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Sajak Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan III	172
10.5	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Drama Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan III	173
11	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Prosa Tradisional Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV	191
11.1	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Puisi Tradisional Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV	193
11.2	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Cerpen Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV	194
11.3	Peratusan Bersetuju Unsur Sastera Genre Novel Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV	196

11.4	Peratusan Bersatu Unsur Sastera Genre Sajak Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV	198
11.5	Peratusan Bersatu Unsur Sastera Genre Drama Boleh Mengukuhkan Pemelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV	200
12	Gred Pencapaian Pelajar Tingkatan II bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu Mengikut Ras	222
12.1	Genre Sastera yang Diminati Pelajar Tingkatan II Mengikut Ras	224
12.2	Unsur Sastera dalam Genre yang Membantu Meningkatkan Pemelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan II Mengikut Ras	225
13	Gred Pencapaian Pelajar Tingkatan III bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu Mengikut Ras	226
13.1	Genre Sastera yang Diminati Pelajar Tingkatan III Mengikut Ras	228
13.2	Unsur Sastera dalam Genre yang Membantu Meningkatkan Pemelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Mengikut Ras	230
14	Gred Pencapaian Pelajar Tingkatan IV bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu Mengikut Ras	231
14.1	Genre Sastera yang Diminati Pelajar Tingkatan IV Mengikut Ras	233
14.2	Unsur Sastera dalam Genre yang Membantu Meningkatkan Pemelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Mengikut Ras	235
15	Gred Pencapaian Pelajar Tingkatan V bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu Mengikut Ras	236
15.1	Unsur Sastera yang Diminati Pelajar Tingkatan V Mengikut Ras	238
15.2	Unsur Sastera dalam Genre yang Membantu Meningkatkan Pemelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Mengikut Ras	239

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 Kerangka Konsepsi	106
2 Lokasi Kajian	107



SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
C	Cerpen
D	Drama
DPK	Dasar Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
KBKK	Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia (Sekarang Kementerian Pelajaran Malaysia)
N	Novel
PrT	Prosa Tradisional
PuT	Puisi Tradisional
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
RR	<i>Reader Response Approach</i>
S	Sajak
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
US	Unsur Sastera

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Komponen Sastera (KOMSAS) dalam pemelajaran Bahasa Melayu (BM) mula diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 1 Mac 2000. Pelaksanaannya bertujuan untuk menggantikan penggunaan ‘Bahan Sastera dalam BM’ yang diguna pakai sebelumnya.

Pelaksanaan ini dilakukan secara berperingkat-peringkat, iaitu Tingkatan I dan Tingkatan IV pada tahun 2000, Tingkatan II dan Tingkatan V pada tahun 2001, dan Tingkatan III pada tahun 2002. Ertinya, selepas tempoh tiga tahun, kesemua tingkatan persekolahan, dari Tingkatan I hingga Tingkatan V di peringkat sekolah menengah mempelajari KOMSAS ini pada tahun 2002.

Langkah ini merupakan satu langkah yang dianggap drastik. Dikatakan drastik adalah kerana pelaksanaannya dibuat dengan disertai pelbagai kelemahan. Dalam kertas kerjanya, *Pengajaran Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Konsep dan Batas Pengajaran*, Zahrah Aziz dan Kamaruzaman Abdullah (2001:1-2)

menyatakan bahawa terdapat enam objektif pemelajaran KOMSAS dalam mata pelajaran BM di sekolah menengah, iaitu:

- 1) Meningkatkan dan mengukuhkan minat membaca pelbagai genre sastera seperti novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi moden dan puisi tradisional.
- 2) Mengenal dan menggunakan istilah sastera, iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, gaya bahasa, latar, plot, sudut pandangan, nilai murni dan pengajaran.
- 3) Mengenal, menghayati dan menghargai karya sastera bagi mengukuhkan kemahiran bertutur, membaca dan menulis.
- 4) Mengenal pengarang berdasarkan karya yang telah diperakui seperti pengarang Sasterawan Negara.
- 5) Mendapat nilai murni dan pengajaran daripada karya sastera yang dibaca.
- 6) Menghasilkan karya sastera yang kreatif seperti dapat melahirkan novel, cerpen, sajak, dan drama yang bermutu tinggi yang boleh dibanggakan.

(Zahirah Aziz dan Kamaruzaman Abdullah, 2001:2)

Objektif yang dinyatakan seperti di atas adalah selaras dengan falsafah sebab-musabab pelajar wajar mempelajari sastera. Menurut Zahirah dan Kamaruzaman Abdullah (2001, 1-2) lagi:

Kesusasteraan ialah karya ciptaan yang mengungkapkan pengalaman dan perasaan manusia. Oleh itu, pelajar boleh menghargai dan menghayati nilai estetika yang terdapat dalam sesebuah karya.

(Zahirah Aziz dan Kamaruzaman Abdullah, 2001:2).

Zahirah Aziz dan Kamaruzaman Abdullah (2001:3) selanjutnya menerangkan bahawa melalui pemelajaran KOMSAS, pelajar diharapkan dapat:

- 1) menyelami masalah kehidupan dan pengalaman orang lain melalui cerita dalam karya sastera.
- 2) menyelesaikan masalah kemanusiaan dan kemasyarakatan melalui peristiwa dalam karya sastera. Penyelesaian masalah secara positif dapat membantu pelajar berhadapan dengan masalah yang dihadapi dalam kehidupan mereka yang sebenar.
- 3) memikirkan nilai-nilai baik dan murni yang tersirat dalam cerita yang dibaca.
- 4) memberi kepuasan dan keseronokan dalam menghayati watak-watak dan plot dalam karya sastera.
- 5) menambah perbendaharaan kata dan membantu pelajar menghasilkan karangan atau karya dengan menggunakan gaya bahasa yang baik.

(Zahirah Aziz dan Kamaruzaman Abdullah, 2001)

Berdasarkan hasrat yang digariskan di atas, KPM (2000) telah menyediakan sejumlah karya dalam bentuk novel dan antologi karya untuk digunakan oleh

para pelajar. Karya-karya ini dinamakan ‘teks wajib’. Terdapat lima buah teks wajib antologi yang digunakan dalam pemelajaran KOMSAS. Teks wajib antologi yang berikut digunakan oleh semua pelajar di seluruh Malaysia. Senarai teks yang dikeluarkan oleh KPM terdapat dalam Lampiran A, di halaman 308 – 316.

Daripada senarai ‘teks wajib’ antologi tersebut, didapati bahawa pelajar Tingkatan I hingga III perlu mempelajari sejumlah karya dalam jangka waktu satu tahun persekolahan. Hal ini dapat dijelaskan melalui Jadual 1: Bilangan Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah Rendah di bawah ini:

Jadual 1: Bilangan Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah Rendah

GENRE	Bilangan
Prosa Tradisional	4
Puisi Tradisional	6
Sajak	6
Cerpen	6
Drama	3
JUMLAH	25

Selain itu, bagi peringkat menengah rendah juga, pelajar perlu mempelajari sejumlah besar karya yang mencakupi lima genre, iaitu genre prosa tradisional (PrT), puisi tradisional (PuT), sajak (S), cerpen (C), dan novel (N). Kelima-lima genre ini boleh dikatakan teras karya dalam kesusastraan Melayu. Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah Rendah

GENRE	T I	T II	T III	JUMLAH
Prosa Tradisional	4	4	4	12
Puisi Tradisional	6	6	6	18
Sajak	6	6	6	18
Cerpen	6	6	6	18
Drama	3	3	3	9
JUMLAH BESAR				75

Di peringkat menengah pula, iaitu Tingkatan IV dan V, pelajar perlu mengkaji sejumlah karya sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4 yang berikut:

Jadual 3: Bilangan Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah

GENRE	Bilangan
Prosa Tradisional	4
Puisi Tradisional	6
Sajak	6
Cerpen	6
Drama	3
JUMLAH BESAR	25

Jadual 4: Jumlah Keseluruhan Karya yang Dikaji di Peringkat Menengah

GENRE	T IV	T V	JUMLAH
Prosa Tradisional	4	4	8
Puisi Tradisional	6	6	12
Sajak	6	6	12
Cerpen	6	6	12
Drama	3	3	6
JUMLAH BESAR			50